

Perutusan Naib Canselor 2008



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERAKTI

26 Feb 2008
9.45 pagi
Dewan Besar
PKKSSAAS,
UPM

**'Membudayakan
Kecapaian
Prestasi Tinggi'**


Y. Bhg. Prof. Datuk
Dr. Nik Mustapha R. Abdullah



Perutusan Naib Canselor 2008



**Membudayakan
Kecapaian Prestasi Tinggi**



*"Serdang terlalu signifikan dengan kita
sehingga kita sukar dipisahkan daripada
nama mahupun buminya."*

Membudayakan Kecapaian Prestasi Tinggi

Kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah Subhanallahuwa Taala kerana dengan limpah kurnia dan hidayah-Nya telah mengizinkan kita untuk bersama-sama dalam Majlis Perutusan Tahun Baharu 2008 ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang dapat hadir pada hari ini dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa yang melaksanakan Majlis ini.

Arus perubahan semakin pantas mendepani kita pada masa ini. Kita pernah menghimpun komitmen untuk mengembalikan kegemilangan Serdang dan bersama-sama mencorak dimensi baharu Serdang. Serdang terlalu signifikan dengan kita sehingga kita sukar dipisahkan daripada namanya mahupun buminya. Pun begitu kita tidak boleh sekadar merasa bangga dengan Serdang yang kita miliki tanpa mahu melonjak dan menjulangnya sehingga menjadi jelas dan nyata pada pandangan seluruh dunia terutamanya mereka yang mempunyai

kepentingan terhadap kita sama ada dari segi pendidikan mahupun bidang-bidang strategis yang lain. Kita juga tidak boleh terlepas pandang sepuluh cabaran penting yang perlu diberi perhatian, ditangani secara bijak dan digarap menjadi pemacu kecemerlangan universiti. Sepuluh cabaran yang saya maksudkan ialah:

- ▶ **UPM sebagai *Research University***
- ▶ **Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara**
- ▶ ***Ranking* THES-QS**
- ▶ **Kajian Reputasi Akademik (ARES) dan Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi (SETARA)**
- ▶ **Pemeriksaan Graduan**
- ▶ **Agenda Pertanian RMK9 dan Pembangunan Wilayah Ekonomi**
- ▶ **Menjadikan UPM sebagai Universiti Pilihan**
- ▶ **Pengantarabangsaan**
- ▶ **Jaringan Industri dan Masyarakat dan**
- ▶ **Keupayaan UPM untuk Menjana Kewangan Sendiri**





Justeru, ucapan saya kali ini adalah untuk menggerak dan mengajak kita semua untuk mentransformasikan universiti kepada budaya prestasi tinggi atau *culture of high performance* dan menjulang Serdang agar berada di martabat yang tinggi dan menjadi tumpuan dunia.

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara telahpun menggariskan perancangan dan rangka kerja yang komprehensif untuk mentransformasikan warga Institusi Pengajian Tinggi kepada budaya prestasi tinggi. Pelan Strategik yang berteraskan kepada lima (5) tonggak utama iaitu **Tadbir Urus, Kepemimpinan, Akademia, Pengajaran dan Pembelajaran dan Penyelidikan dan Pembangunan** dan lima (5) **Program Agenda Kritikal** iaitu **Universiti Apex, Mybrain15, Pembelajaran Sepanjang Hayat, Audit Prestasi Akademik** dan **Skim Latihan Graduan** menuntut warga universiti menggembeleng segala usaha, tenaga dan kekuatan ke arah pencapaian budaya prestasi tinggi ini demi melonjakkan tahap kualiti institusi pengajian tinggi negara.

Sepanjang tahun 2007, kita telah menyaksikan universiti menjulang pengiktirafan di peringkat nasional dan juga antarabangsa. Antara kejayaan tersebut ialah pengiktirafan kerajaan terhadap Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan sebagai *Top Business School* di Malaysia. Kita juga menerima *Technology Business Review ASEAN Awards 2007 for Excellence in Education Sector for Research University*, Anugerah Kualiti Pengurusan Kewangan Kategori Badan Berkanun 2007 dan universiti berada di kedudukan **ke-25** dalam senarai 100 Pengguna ICT yang tertinggi di Asia oleh majalah *Managing Information Strategies* (M.I.S) keluaran khas 2007, pemilihan eksperimen penghabluran protein oleh penyelidik UPM ke angkasa, kejayaan pingat emas dalam pelbagai pameran penyelidikan di peringkat antarabangsa, penyertaan 46 pelajar universiti dalam Sukan SEA 2007 di Korat dan kecemerlangan yang disumbangkan oleh pelajar Universiti melalui aktiviti yang dianjurkan oleh MAKUM dan MASUM.




Sesungguhnya pengiktirafan tersebut telah meningkatkan keyakinan kita bahawa budaya *high performance* adalah satu-satunya faktor yang berupaya menggemilangkan universiti.

Budaya prestasi tinggi atau *Culture of high performance* menuntut kita mengamalkan budaya fikir (*thinking culture*) bagi melonjak perubahan positif yang menghasilkan **sistem kerja** dan **budaya kerja** yang memberi impak bernilai tinggi terhadap produktiviti. Budaya ini juga akan memupuk daya kreativiti dalam organisasi dan sentiasa menggalakkan kita memainkan peranan secara aktif, kreatif dan dinamik untuk mewujudkan daya saing yang lebih efektif selaras dengan perkembangan semasa universiti.

Berpaksikan kepada pendekatan holistik dengan menonjolkan *culture of high performance* dalam organisasi, maka perutusan tahun 2008 ini, saya akan menyentuh tentang perlunya pengukuhan modal insan, lonjakan perdana, peranan alumni, kesukarelawan, promosi dan keharmonian persekitaran dan organisasi.

"Budaya prestasi tinggi atau 'Culture of high performance' menuntut kita mengamalkan budaya fikir (thinking culture) bagi melonjak perubahan positif yang menghasilkan sistem kerja dan budaya kerja yang memberi impak bernilai tinggi terhadap produktiviti."





Pengukuhan Modal Insan

Sekian lama kita mencari formula dan kerangka pemikiran serta pelan tindakan untuk mempertingkatkan kualiti modal insan. Modal insan ini yang menunjangi kekuatan sesebuah organisasi perlu dimantapkan untuk memastikan organisasi mencapai matlamat dan objektifnya. UPM tidak terlepas daripada menggalas cabaran ini sebagai pembentuk modal insan berkualiti untuk menambah kekayaan negara. Cabaran ini bukan sekadar membentuk kakitangan berkualiti, malah sebagai sebuah universiti sudah tentu telah menjadi tanggungjawab kita untuk mengisi peranan melahirkan modal insan yang berkualiti kepada negara. Justeru, sebagai kakitangan universiti kita perlu memiliki nilai tambah yang positif untuk membolehkan kita membentuk graduan yang berkualiti, mempunyai nilai tambah yang melebihi graduan universiti lain.




“Seharusnya pada ketika ini kita sudah mencapai tahap modal insan yang mempunyai minda kelas pertama. mencorak dimensi cemerlang dan kualiti yang tinggi dalam menunaikan amanah negara kepada kita.”

Kualiti modal insan ini perlu diterjemahkan dengan milikan kesempurnaan sumber manusia yang memenuhi ciri-ciri produktiviti bertunjangkan nilai-nilai murni dan etika yang memastikan budaya kerja cemerlang menjadi kelaziman dalam melaksanakan tugas kita. Seharusnya pada ketika ini kita sudah mencapai tahap modal insan yang mempunyai minda kelas pertama. Kecapaian minda kelas pertama ini akan mencorak dimensi cemerlang dan kualiti yang tinggi dalam menunaikan amanah negara kepada kita. Pada tahap ini kita perlu sentiasa memberi fokus kepada tanggungjawab yang kita galas ini.

Apabila kita menyentuh persoalan budaya kerja cemerlang melalui modal insan berkualiti dengan minda kelas pertama ini maka secara langsung kita mengetepikan budaya kerja sambil lewa.


Kita perlu mengikis sikap yang sekadar hadir ke tempat bertugas dan menunggu 24 haribulan untuk menuai habuan. Sebagai kakitangan awam kita perlu menyedari akan integriti yang dituntut daripada kita.



Kenyataan ini saya kira amat tepat pada waktunya kerana pada tahun ini kita telah berada pada tahun sasaran Tekad 2008 yang telah dilancarkan sejak tahun 2004 dahulu. Sekadar untuk mengingatkan kembali Tekad 2008 yang mensasarkan lima tekad berikut;

- ▶ **Mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa secara berkesan.**
- ▶ **Meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi karenah birokrasi.**
- ▶ **Meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan.**
- ▶ **Memantapkan institusi keluarga.**
- ▶ **Meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat.**

Tekad 2008 yang sepatutnya kita capai pada tahun ini memang secara langsung berkait dengan kita. Dalam tekad kedua yang secara langsung menyentuh tentang iltizam untuk mempertingkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian awam dan mengatasi karenah birokrasi seharusnya telah kita capai. Dalam hal ini pelanggan kita seharusnya menerima perkhidmatan yang terbaik, maka kita perlu sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap kecekapan perkhidmatan kita. Dalam konteks ini kecekapan perlulah meliputi aspek layanan mesra, tempoh masa yang digunakan untuk memberikan perkhidmatan dan kecekapan penggunaan sumber. Oleh itu, usaha ini bukan sahaja pengukuhan sistem dan prosedur tetapi juga peningkatan kualiti modal insan.






Nilai-nilai murni yang mendasari etika kerja kita juga perlu terus disuburkan. Nilai-nilai ini tidak boleh lekang dan ditanggalkan biarpun dalam jenama mana sekalipun universiti. Ia menjadi asas penting dalam sistem penyampaian perkhidmatan yang kita laksanakan. Perkhidmatan tanpa nilai-nilai ini akan menjadi barah yang boleh mengakibatkan kecacatan kekal kepada organisasi kita. Budaya kerja yang ditunjangi etika kerja ini akan mewarnai nilai-nilai positif dalam perkhidmatan kita dan secara langsung akan mempertingkatkan produktiviti. Peningkatan kualiti kerja perlu juga diselaraskan dengan peningkatan kuantiti. Pencapaian kualiti dan kuantiti yang tinggi secara seiring akan memberi impak maksimum dalam pencapaian produktiviti.



“Peningkatan kualiti kerja perlu juga diselaraskan dengan peningkatan kuantiti. Pencapaian kualiti dan kuantiti yang tinggi secara seiring akan memberi impak maksimum dalam pencapaian produktiviti.”





Lonjakan Perdana [*Quantum Leap*]


Pengalaman daripada tiga dekad yang lampau berhubung keajaiban ekonomi di negara yang miskin adalah sumber semula jadi. Sumber utama mana-mana negara ialah bakat, kemahiran, kepakaran, kreativiti dan semangat rakyat. Apa yang ada dalam kepala kita, pada tulang empat kerat dan dalam hati kita adalah lebih penting daripada apa yang kita ada di bawah tapak kaki dan sekeliling kita. Demikian antara lain yang menjadi garis panduan dalam pembentangan kertas kerja Wawasan 2020 – *Malaysia : A Way Forward* oleh mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamed.

Asas ini saya kira sangat penting untuk kita membincangkan persoalan lonjakan perdana di Universiti Putra Malaysia, ini lantaran kita antara sayap utama dalam mencapai Wawasan tersebut. Kecelaruan dalam melaksanakan peranan sebagai Universiti Penyelidikan seharusnya kita runtkaikan segera kerana tahun 2020 akan menjelang 12 tahun lagi. Tempoh ini bukanlah terlalu lama kerana banyak perkara yang perlu kita lakukan.



PENDAFTAR


*"Kegigihan bekerja
perlu menjadi budaya
yang sehati dengan jasad
dan jiwa warga universiti.
...Kita perlu bekerja secara
berpasukan yang mantap dan
bertanggungjawab kepada
kejayaan yang kita capai."*




Lonjakan ini memerlukan kita bekerja dengan lebih gigih. Kegigihan kita untuk mencapai matlamat universiti perlu diterjemahkan dengan tindakan kesungguhan dalam melaksanakan tugas. Kita tidak boleh mengambil sikap mengharapkan orang lain untuk menjadikan sesuatu tetapi kita sendiri perlu merealisasikannya. Kegigihan bekerja perlu menjadi budaya yang sehati dengan jasad dan jiwa seluruh warga universiti. Rasa seronok untuk datang ke pejabat dan bekerja perlu dipertingkatkan. Sistem penyampaian perkhidmatan yang berkesan akan hanya dapat dicapai dengan kegigihan dan keseronokan bekerja. Dalam hal ini juga kita perlu segera insaf daripada agenda-agenda yang tidak memanfaatkan universiti. Budaya surat layang dan perancangan-perancangan berkepentingan kumpulan atau individu tertentu yang masih wujud perlu segera dihentikan. Kita perlu bekerja secara berpasukan dan bertanggungjawab kepada kejayaan yang kita capai.

Pengurusan sumber manusia perlu terus dicemerlangkan untuk membina kekuatan organisasi. Sumber manusia yang menjadi aset dalam kawalan universiti mesti diuruskan dengan berkesan. Dalam hal ini, kita tidak boleh mengabaikan sebahagian daripada sumber yang ada dalam universiti dan hanya memberi tumpuan kepada sebahagian sahaja. Ia perlu diuruskan secara menyeluruh. Ini bermakna kakitangan pada semua peringkat sama ada kakitangan sokongan, pengurusan dan profesional, akademik mahupun bukan akademik mesti ditadbir urus dengan berkesan. Jika sebahagian tidak dibawa bersama dalam arus perkembangan universiti ini, jika kebolehan mereka tidak dikembangkan sepenuhnya dan jika dibiarkan, akan menjadi beban kepada universiti, maka usaha kita akan tergendala. Tidak ada mana-mana organisasi pun yang dapat mencapai kejayaan dengan hanya separuh sumber manusianya digemblengkan.

"...kita tidak boleh mengabaikan sebahagian daripada sumber yang ada dalam universiti dan hanya memberi tumpuan kepada sebahagian sahaja. Ini bermakna kakitangan pada semua peringkat sama ada kakitangan sokongan, pengurusan dan profesional, akademik mahupun bukan akademik mesti ditadbir urus dengan berkesan."





Sehubungan itu, saya telah nyatakan perkara ini berulang kali, perancangan sumber manusia dan pengurusannya perlulah dimantapkan. Kita perlu kembali kepada konsep sebenar pengurusan sumber manusia dengan meletakkan sumber di tempat yang betul. Hal inilah yang memungkinkan kita mencari formulasi berkesan dalam meletakkan sumber tersebut. Atas keperluan ini jugalah, kita laksanakan penstrukturan semula dalam kalangan kakitangan supaya penggunaan sumber yang optimum tercapai. Aspek latihan kakitangan perlu turut diberi perhatian serius agar kita bersedia mendepani sebarang perubahan semasa yang berlaku pada peringkat nasional mahupun antarabangsa. Keupayaan kakitangan akan bergantung kepada pengisian latihan yang berkesan dan memenuhi tuntutan semasa. Kita tidak boleh sekadar menyediakan latihan hanya untuk memenuhi keperluan tujuh hari setahun tetapi harus dirancang untuk melihat impaknya. Justeru, perancangan latihan mesti sentiasa dikemas kini dan memenuhi keperluan sejajar dengan kepentingan universiti dan negara. Staf yang sedia

ada seharusnya berani melepaskan kerjaya jika hanya memberi tumpuan kepada aktiviti lain terutama yang menghancurkan keharmonian organisasi.

Bagi memenuhi penggantian sumber, wajar bagi kita untuk mendapatkan calon yang berkualiti dan benar-benar mahu memberi sumbangan kepada organisasi. Pengambilan calon yang cemerlang bagi memenuhi jawatan yang ada tidak boleh dilaksanakan sekadar melihat kepada sijil, diploma atau ijazah yang dimiliki semata-mata tetapi perlu dinilai prestasi dan kecenderungannya. Penggantian ini perlu kerana kita sedia maklum bahawa perkhidmatan kita dengan universiti mempunyai had tempoh yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian, saya berharap fakulti-fakulti juga akan turut mengambil langkah yang proaktif bagi mencari calon yang berkualiti dan berpotensi besar untuk dihantar belajar untuk menggantikan mereka yang akan bersara. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Pejabat Pendaftar juga mesti memainkan peranan yang lebih proaktif dalam melaksanakan usaha untuk mendapatkan kakitangan yang berkualiti.

Oleh kerana sebahagian daripada kakitangan universiti ini adalah mereka yang bertaraf sambilan dan kontrak, maka saya perlu mengingatkan bahawa tahap ini belum menjamin untuk diserapkan ke jawatan tetap. Kakitangan kontrak contohnya, sudah tentu telah dinyatakan dalam kontrak perkhidmatan berhubung dengan tempoh perkhidmatan anda. Seharusnya taraf kontrak ini dilihat sebagai kelebihan kepada anda untuk membuktikan kebolehan memberikan perkhidmatan yang cemerlang yang membolehkan kita tidak mempunyai ruang lain selain daripada menyerapkan anda ke jawatan tetap. Bagi mereka yang bertaraf sambilan, terutamanya tutor, anda perlu mengambil langkah proaktif untuk segera menamatkan pengajian anda dan memperoleh Ph.D untuk memenuhi kekurangan dalam jawatan pensyarah. Ini bukanlah bermakna kebajikan kakitangan sambilan dan kontrak ini tidak diambil berat, tetapi kita perlu menyedari bahawa peluang yang diberikan kepada anda perlu digunakan dengan sebaik mungkin.

Sejajar dengan taraf Universiti Penyelidikan, saya percaya sudah sampai masanya untuk kita memberi fokus kepada pengurusan penyelidikan yang berkesan. Para pensyarah dan penyelidik wajar dialihkan fokus sepenuhnya kepada pengajaran dan penyelidikan. Kerja-kerja pentadbiran perlu diberikan kepada para pentadbir kerana itu adalah fokus mereka. Saya telah nyatakan perkara ini kepada pentadbir semasa Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Persatuan Pentadbir baru-baru ini. Saya percaya bahawa keyakinan penuh perlu diberikan kepada pentadbir agar mereka dapat melaksanakan tugas dengan lebih berkesan. Dengan pelaksanaan ini para pensyarah dan penyelidik tidak lagi dibebani dengan kerja-kerja pentadbiran yang boleh mengganggu fokus keutamaan pengajaran dan penyelidikan. Bagi para pentadbir sudah tentu pelaksanaan ini akan memberi skop yang lebih besar kepada mereka dalam melaksanakan tugas. Para pentadbir mesti berani untuk memegang tanggungjawab pentadbiran yang lebih besar dan melaksanakannya dengan penuh dedikasi dan nilai integriti. Sudah sampai masanya para pentadbir

"... Sudah sampai masanya para pentadbir melonjak ke medan utama bagi membuktikan kredibiliti pentadbiran mereka. Ini adalah cabaran pentadbir UPM dan kita mahu mereka menjadi contoh dan penanda aras kepada pentadbir-pentadbir lain."

melonjak ke medan utama bagi membuktikan kredibiliti pentadbiran mereka. Ini adalah cabaran kepada pentadbir UPM dan kita mahu pentadbir UPM menjadi contoh dan penanda aras kepada pentadbir-pentadbir lain. Saya yakin Tuan Pendaftar telah mempunyai perancangannya untuk melaksanakan peranan ini.

Pada kesempatan ini juga, saya ingin meletakkan cabaran kepada para pentadbir terutamanya pentadbir di Gred 52 dan ke atas untuk mengubah pemikiran lazim kepada pemikiran strategik bagi mencari pembaharuan dan kemajuan berterusan kepada universiti. Kita tidak boleh lagi berfikir secara biasa dan melaksanakan tugas-tugas rutin tetapi seharusnya mengembangkannya sehingga boleh membuat dasar dan polisi yang berkesan. Carilah ruang untuk mempertingkatkan kualiti diri dan sentiasa sedia berubah untuk kemajuan diri. Para pentadbir mesti merancang dan melaksanakan sendiri pelan mempertingkatkan martabat pentadbir tanpa menunggu orang lain merancangnya.

Mengurus kejayaan dan prestasi tinggi tidak hanya membuka ruang kepada melihat kekuatan semata-mata. Analisis perlu turut dibuat bagi melihat kelemahan supaya ia boleh diperbaiki. Kita tidak boleh menyembunyikan kelemahan seperti menyembunyikan habuk di bawah permaidani sebaliknya kita perlu membuangnya. Ini bermakna kelemahan-kelemahan yang ada perlu segera dinyahkan. Oleh itu, kita membuka ruang sepenuhnya kepada semua kakitangan universiti untuk memperbaiki kelemahan diri. Mulai tahun ini kita meluluskan Program Penempatan Profesional kepada semua staf untuk mencari pengalaman di tempat lain termasuklah di luar negara bagi membaiki kelemahan diri. Rebutlah peluang ini kerana kita percaya pengalaman bekerja melalui Program Penempatan Profesional dengan organisasi yang lebih hadapan ini akan memberi impak positif kepada kakitangan kita.

Dalam pengurusan sumber manusia juga, saya percaya ia akan menimbulkan sensitiviti yang tinggi

apabila kita berbincang berkaitan kenaikan pangkat. Saya perlu jelaskan dalam mendasari pertimbangan untuk kenaikan pangkat, kita perlu mengutamakan prestasi perkhidmatan dan kualiti kerja. Meritokrasi prestasi perlu dilihat secara teliti supaya ia dapat dinilai sebagai pemberat utama. Ini tidak bermakna kita menafikan pengalaman dan senioriti tetapi senioriti dan pengalaman seharusnya diperkukuh dengan ketinggian prestasi kerja. Saya kira asas ini adalah jelas kerana kita tidak mungkin boleh sewenang-wenangnya memberi kenaikan pangkat hanya kerana mereka lama berkhidmat tetapi kualitinya di tahap lama atau lebih malang semakin merudum. Jika perkara demikian berlaku maka kita gagal melahirkan kakitangan yang berkualiti pada peringkat lebih tinggi untuk membimbing rakan-rakan baharu. Prinsip meritokrasi prestasi ini juga seharusnya bukan sahaja digunakan dalam menilai kenaikan pangkat tetapi turut diambil kira dalam pengambilan kakitangan kita. Kita boleh mencari kakitangan yang berkualiti dan cemerlang melalui prinsip meritokrasi prestasi ini. Hal ini sangat penting

"Prinsip meritokrasi prestasi ini juga seharusnya bukan sahaja digunakan dalam menilai kenaikan pangkat tetapi turut diambil kira dalam pengambilan kakitangan yang berkualiti dan cemerlang. Ini sangat penting kerana ia akan menjadi asas kepada pembangunan sumber manusia yang berkesan."

kerana ia akan menjadi asas kepada pembangunan sumber manusia yang berkesan. Kita mahu melahirkan pengurusan dan pentadbiran tertinggi yang cekap dan berkesan dalam menentukan hala tuju kejayaan universiti dan bukannya mereka yang masih kekal dengan budaya lama.

Kita telah lama bercakap tentang universiti bertaraf dunia. Kita juga telah melaksanakan pelan strategik universiti untuk menuju ke arah itu. Usaha ini tidak boleh terhenti, apa lagi berpatah ke belakang. Kita perlu teruskan kemaraan pencapaian menjadi universiti bertaraf dunia. Inilah cabaran yang perlu terus kita tempuhi. Keadaan ini sangat penting kerana kita sedar akan konsep globalisasi yang menuntut kita bersaing pada gelanggang yang sama tanpa persempadanan. Konsep *the world is flat* mengajak kita meletakkan kesediaan untuk membina jaringan yang lebih luas dan mencari rakan kongsi baru dalam pasaran yang baharu. Kita perlu meneroka bidang-bidang baharu yang belum pernah diterokai orang lain. Kita perlu bersedia



*“Kita perlu bersedia untuk menjadi peneraju dan **to go to where no man has gone before.** ...Apa ertinya **Research University** kalau penyelidikan kita sekadar tempelan atau cuma melengkapkan apa yang sedia ada.”*

untuk menjadi peneraju dan ‘*to go to where no man has gone before.*’ Saya sedar bukan kecil cabaran ini, tetapi ia bukan mustahil. Penafian kemustahilan ini semakin berasas dengan status kita sebagai Universiti Penyelidikan. Apa gunanya status ini kalau penyelidikan kita tidak boleh menerokai pembaharuan? Apa ertinya *Research University* kalau penyelidikan kita sekadar tempelan atau cuma melengkapkan apa yang sedia ada?

Bagi mendasari usaha kita mencari kejayaan melalui kecemerlangan bersama ini, wajar bagi kita mengimplementasikan konsep *Blue Ocean Management*. Kita mahu menguruskan universiti dengan melihat secara meluas pelbagai kejayaan yang dicipta. Kita membina kecemerlangan dengan kekuatan kita sendiri dan menyahkan kelemahan kita. Kita tidak mahu memijak orang lain apatah lagi membunuh demi kejayaan dan kecemerlangan kita. Kita perlu menggembelng segala kekuatan yang ada dalam satu pasukan demi untuk mencapai kejayaan. Retorik-retorik yang sekadar menjadi aksesori





dalam pengucapan sudah sampai masanya untuk ditenggelamkan, sebaliknya kita memenuhi cita-cita dan wawasan dengan usaha gigih, bekerja lebih kuat dan mengutamakan kepentingan kejayaan organisasi. Justeru, hijrah perlu diterjemahkan dengan penuh bermakna agar ia berupaya membuahkan kejayaan. Kita perlu segera berhijrah dari budaya kerja lama yang bertanggguh, atau budaya 'bagai pahat dengan pemukul' atau lebih malang budaya 'rumah siap pahat berbunyi'. Kita perlu bersama menggalas beban membawa cabaran ke persada antarabangsa. Kepentingan diri dijaga tanpa melepaskan kepentingan organisasi. Takrifan hijrah kepada kita mesti lebih jelas kerana kita tidak mahu berhijrah ke arah kelemahan dan kegagalan. Inilah yang saya maksudkan kita perlu meneroka bidang-bidang baharu yang memberi makna kepada hijrah kita. Ini tidak juga bermaksud kita perlu beralih tumpuan daripada pertanian yang telah menjadi bidang tumpuan kita atau bidang bioteknologi yang telah kita pelopori. Hijrah ini menuntut kita memperkasa

bidang-bidang tersebut kerana kita percaya bidang-bidang tersebut masih mempunyai banyak ruang untuk diterokai.

Pada kesempatan ini juga, saya ingin menyatakan pendirian dan pengamatan saya kepada kepimpinan universiti. Kepimpinan universiti ini termasuklah Kesatuan dan Persatuan yang ada dalam universiti ini terutamanya KEPERTAMA, Persatuan Pegawai Akademik, Persatuan Pentadbir dan PERMATA. Saya akui kepimpinan universiti pada ketika ini berada pada landasan yang betul untuk mencapai kejayaan organisasi. Pun begitu, kita tidak boleh berpuas hati dengan pencapaian sedia ada. Kepimpinan universiti perlu lebih mantap membina kesatuan dalam membuahkan dasar dan polisi yang boleh memanfaatkan universiti. Kita perlu bersama dalam erti kata yang sebenar kerana kita bertanggungjawab mengemudi hala tuju universiti ini.

Lonjakan perdana perlu berlaku di Serdang. Dengan segala kekuatan yang dimiliki, kita mesti melonjak

tinggi agar terpampang jelas di atlas dunia. Kita mahu dikenali sebagai universiti bertaraf dunia yang benar-benar melepasi akreditasi antarabangsa dan bukan sekadar jaguh tempatan. Tidak ada jalan pintas untuk itu selain daripada bekerja kuat dan usaha gigih yang telah saya nyatakan. Lonjakan perdana tidak mungkin berlaku kalau budaya kerja lama yang sambil lewa tidak diubah segera. Lonjakan perdana juga tidak mungkin berlaku jika hanya sebahagian sumber sahaja digerakkan dan kita tidak bersama dalam satu pasukan. Kita tidak mahu membengkalaikan usaha ini hanya kerana ligat untuk melonjakkan diri sendiri dengan menikam orang lain.

Lonjakan perdana yang kita inginkan ini perlu sentiasa digerakkan supaya mempunyai momentum yang boleh terus menjulang universiti. Kita mesti sentiasa memperbaharui tekad dan iltizam bagi mencipta sesuatu yang baharu, yang boleh mempercepatkan proses sesuatu perkhidmatan atau penghasilan sesuatu produk. Cabaran sebegini akan

berupaya mencipta suasana pekerjaan yang amat kondusif bagi tujuan percambahan idea, inovasi dan pengetahuan yang produktif.


Senario di mana staf dan pelajar yang hanya berperanan sebagai pemerhati kepada perubahan dan pembangunan sesebuah organisasi, masyarakat dan negara di peringkat global, kini tidak lagi relevan dalam konteks UPM. Sebagai sebuah Universiti Penyelidikan, minda warganya harus mempunyai daya kreativiti dan inovasi yang tinggi dan saintifik, yang sentiasa dahagakan pembaharuan dan terlibat secara aktif dalam setiap produk atau perkhidmatan yang dihasilkan. Pengurusan yang dinamik harus berupaya untuk mengubah amalan atau pelaksanaan sesuatu proses dengan penemuan baharu yang dapat meningkatkan tahap kualiti produk atau perkhidmatan yang dihasilkan.

Semua warga universiti termasuk staf akademik, pengurusan dan kumpulan sokongan mahupun pelajar harus bergerak sebagai satu pasukan ke arah

"Lonjakan perdana perlu berlaku di Serdang. Kita mahu dikenali sebagai universiti bertaraf dunia yang benar-benar melepasi akreditasi antarabangsa dan bukan sekadar jaguh tempatan. ...perlu sentiasa digerakkan supaya mempunyai momentum yang boleh terus menjulang universiti."

mencemerlangkan universiti ke tahap yang lebih tinggi setaraf dengan universiti bertaraf dunia yang sering diuar-uarkan. Agihan tugas yang dilaksanakan hanya bagi menentukan akauntabiliti sahaja. Bahkan setiap warga universiti bertanggungjawab memberikan yang terbaik kepada pelanggan universiti pada setiap masa. Ini bermaksud sekiranya pegawai yang dipertanggungjawabkan dengan sesuatu tugas itu tidak hadir atau menghadiri kursus di luar kampus, maka pegawai yang ada di UPM harus berupaya memberikan perkhidmatan sewajarnya untuk memenuhi keperluan semasa pelanggan.

Kekuatan sumber manusia yang dimiliki universiti harus diperkasakan secara menyeluruh dan terancang. Kita harus mempelbagaikan kaedah latihan dan pembangunan diri staf secara holistik dan berkesan. Ini berbeza dengan amalan jangka pendek dengan mengadakan program motivasi dan latihan yang menepati sesuatu perkara yang mungkin tidak lagi relevan dengan pembangunan





universiti pada masa hadapan. Selaras dengan hasrat memperkasakan sumber manusia, Pihak Pengurusan Universiti telah bersetuju meluluskan Program Penempatan Profesional yang saya sebutkan terdahulu.

Saya percaya bahawa sekiranya kita jujur dan ikhlas ingin melonjakkan kegemilangan universiti ini ke tahap yang lebih tinggi, kita harus berani membuat perancangan yang strategik melangkaui tempoh keberadaan kita di universiti bertuah ini. Pedoman dan pengajaran yang harus sentiasa kita ingat ialah kecemerlangan yang kita capai pada hari ini adalah hasil usaha perancangan generasi terdahulu Universiti. Mereka membuat perancangan tanpa rasa risau, gundah atau terlalu memikirkan apa yang bakal mereka peroleh sebagai pulangan atau *rewards*. Mereka mendidik anak bangsa semata-mata tidak mahu melihat negara ini terjajah minda dan budaya. Hasilnya, kita dapat saksikan graduan yang dilahirkan

oleh Universiti Putra Malaysia, kini telah berjaya dalam kehidupan mereka termasuklah memegang tampuk pimpinan syarikat terkemuka di dalam dan luar negara. Itulah yang kita ingin terapkan dalam kalangan warga Universiti termasuk pelajar serta alumni agar terus mencipta kecemerlangan melalui pembelajaran secara berterusan untuk maju dan terus maju. Kita harus ingat bahawa apabila kita menyebut pembelajaran sepanjang hayat, ia bukanlah bermakna kita hanya belajar daripada orang lain. Tetapi ia juga bermaksud kita sedia berkongsi pengalaman dan kemahiran yang kita miliki dengan orang lain. Proses inilah sebenarnya yang melengkapkan proses pembelajaran sepanjang hayat. Malah dengan perkongsian pengalaman dan kemahiran ini memperkayakan lagi ilmu dan budaya yang kita semua miliki bersama.



Peranan Alumni

Sudah tiba masanya Universiti memperkasakan semua sumber yang ada, bagi melonjakkan UPM menuju ke tahap Universiti bertaraf global yang diiktiraf oleh komuniti intelek berdasarkan tradisi kecemerlangannya. Alumni Universiti merupakan salah satu sumber bukan sahaja penting malah merupakan sumber kekuatan Universiti yang berpotensi menyumbang kepada kecemerlangan UPM ke tahap yang lebih tinggi.

Graduan yang dilahirkan oleh Universiti mempunyai tanggungjawab dan amanah intelektual yang perlu ditunaikan kepada masyarakat dan negara. Malah mereka mempunyai tanggungjawab yang besar dalam berperanan sebagai duta UPM kerana di mana sahaja mereka berada, imej yang mereka tonjolkan merupakan imej UPM. Pada masa yang sama mereka merupakan rakan karib Universiti terutama dalam memastikan hala tuju dan perancangan Universiti berada pada landasan yang betul pada setiap masa.


Potensi Alumni UPM sama ada di dalam atau di luar negara harus sama-sama kita gembeng bagi menyumbang kepada kecemerlangan Universiti secara efektif dan terancang. Sehingga tahun 2007, UPM telah mengeluarkan kira-kira 125,000 graduan dari pelbagai peringkat pengajian. Sekiranya bilangan Alumni

yang sebegitu ramai digunakan secara efektif dan optimum, kita mampu melaksanakan sesuatu yang luar biasa.

Kita berasa teruja apabila diberitahu bahawa kejayaan universiti-universiti terkemuka dunia adalah hasil sumbangan aktif para alumninya terutama dalam bentuk sumbangan endowmen yang begitu besar kepada Universiti. Sebagai contohnya, University Harvard yang merupakan salah sebuah universiti terkemuka di dunia mempunyai nilai endowmen lebih daripada US\$34.9 Billion (Ogos 2007). Jumlah ini mereka peroleh daripada lebih 89,000 alumni, ibu bapa, rakan korporat dan pelbagai yayasan. Dengan formula dan strategi yang betul, saya begitu yakin bahawa kejayaan tersebut akan dapat dicapai oleh Alumni UPM. Sebagai warga UPM, kita seharusnya sama-sama memupuk budaya alumni yang cemerlang. Kita perlu menanam jiwa graduan kita dengan rasa sayang dan bangga menjadi

pelajar UPM. Kita perlu pahatkan nama UPM ini dalam sanubari Alumni kita agar mereka dengan penuh kebanggaan pulang ke UPM. Hubungan dengan Alumni tidak semata-mata kita memerlukan sumbangan daripada mereka tetapi kita mahu ia melangkaui kecintaan mendalam terhadap *alma mater* mereka. Pusat Alumni mesti menyemarakkan aktiviti yang boleh menarik minat alumni untuk kembali ke universiti selain daripada aktiviti-aktiviti pelajar yang memupuk dan memperkukuh kecintaan kepada universiti. Kecanggihan teknologi maklumat dan ICT perlu dimanfaatkan bagi menyalurkan maklumat berkaitan Universiti kepada Alumni di mana sahaja mereka berada. Oleh itu, saya percaya, sudah tiba masanya kita melihat mengenai penubuhan Alumni *Chapters* di luar negara. Dengan penubuhan *chapters* di luar negara ini, kita akan dapat meningkatkan potensi sumbangan alumni yang berada di luar negara kepada UPM.

"Kita perlu menanam jiwa graduan kita dengan rasa sayang dan bangga menjadi pelajar UPM. Kita perlu pahatkan nama UPM ini dalam sanubari Alumni kita agar mereka dengan penuh kebanggaan pulang ke UPM."





Kesukarelawan Memperkukuh Budaya Penyayang

Universiti tersohor dimasyhurkan orang kerana kelebihannya, dimasyhurkan orang kerana keberhasilannya, dimasyhurkan orang kerana kekuatannya, dimasyhurkan orang kerana reputasinya, dimasyhurkan orang kerana nilai globalisasinya dan dimasyhurkan orang kerana **budi pekerti komunitinya**. Dalam ungkapan ini, budi pekerti komuniti universiti dilihat daripada perspektif pemerckasaan modal insan melalui aktiviti sosial seperti penyertaan warga Universiti dalam program sukarela dan khidmat masyarakat. Oleh itu, kita perlu menjadikan **aktiviti sukarela dan khidmat masyarakat sebagai agenda universiti dalam memperkukuh budaya berbudi, bertoleransi dan penyayang untuk pembangunan modal insan**.

Apabila kita memperkatakan tentang fungsi dan tanggungjawab universiti dalam menjana pembangunan modal insan, maka ia menuntut kepada satu pendekatan yang lebih kreatif, inovatif, holistik dan bersepadu. Dengan kata lain, selain daripada aktiviti-aktiviti utama universiti yang cukup banyak dan bermakna



yang telah dibuat sekarang, saya mengesyorkan supaya lebih ramai penyertaan dan penglibatan warga universiti dalam aktiviti sukarela sebagai satu gerakan strategik dalam pembangunan modal insan untuk mengangkat kecemerlangan kualiti hidup masyarakat. Dengan kata lain, kita memerlukan **transformasi sikap** dan **revolusi mental** untuk membudayakan aktiviti sukarela yang berupaya menterjemahkan **semangat kekitaan** dan **semangat untuk memberi** dalam komuniti atau organisasi.

Kita mempunyai 25,000 pelajar dan lebih daripada 5,000 kakitangan dari pelbagai kategori, kemahiran dan pengetahuan. Universiti juga dilengkapi dengan banyak kemudahan serta sumber yang boleh mewujudkan persekitaran sukarela yang mempunyai impak tinggi terhadap pembangunan masyarakat. Malah kita juga merupakan sebuah universiti unik yang mempunyai ramai tenaga pakar dalam pelbagai disiplin ilmu seperti pertanian, alam sekitar, bioteknologi, perhutanan, sains, kejuruteraan, ekonomi, perubatan, sains makanan, sains haiwan,

bahasa, pembangunan manusia dan disiplin-disiplin yang lain. **Ini semua adalah sumber kekuatan kita yang perlu digarapkan, distrategikan, direka bentuk, dipermudahkan, diberi nilai tambah dan dikembalikan kepada masyarakat melalui konsep “perkongsian ilmu untuk kesejahteraan masyarakat”.**

Justeru, pendekatan yang diambil oleh Fakulti Pertanian, Pusat Pengembangan Keusahawanan dan Pemajuan Profesional dan Taman Pertanian Universiti dengan melaksanakan program **Hari Bersama Pakar Pertanian** di beberapa daerah di seluruh negara merupakan contoh terbaik program sukarela dan khidmat sosial yang berteraskan kepada perkongsian kepakaran. Program yang menyalurkan khidmat nasihat serta perkhidmatan pakar bersama masyarakat petani di setiap negeri ini telah membentuk perspektif baharu UPM dalam menyalurkan bantuan kepada para petani. Begitu juga dengan program Karnival Kesihatan yang dianjurkan oleh Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dalam



membuat pemeriksaan dan penyaringan penyakit kanser serta meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap tabiat pemakanan dan kualiti kesihatan.

Penyertaan dan penglibatan pelajar UPM dalam aktiviti sukarela seperti projek bakti siswa dan operasi khidmat masyarakat juga perlu ditingkatkan. Ini kerana penglibatan pelajar dalam aktiviti sukarela akan meningkatkan kemahiran insaniah seperti kemahiran kepimpinan, pengurusan organisasi, komunikasi dan seterusnya melahirkan pelajar yang berwibawa dan penyayang. Oleh itu, saya amat berharap program seumpama ini diberi nilai tambah kerana ia berupaya **membentuk warga universiti yang responsif, penyayang, menjana kemahiran baru dan seterusnya meluaskan jaringan universiti-masyarakat serta memberi suntikan baharu terhadap aktiviti promosi universiti.**

Tanggungjawab kita bukan setakat memastikan kelangsungan dalam membina kecemerlangan aktiviti penyelidikan, pengajaran dan perkhidmatan

profesional, malah kita juga hendaklah sentiasa meningkatkan tanggungjawab sosial dalam membangunkan modal insan dengan lebih menyeluruh. Kita harus menyedari bahawa impak **aktiviti sukarela bukan sahaja kepada pengkayaan pengalaman, kemahiran dan pengetahuan warga universiti, malah aktiviti sukarela juga mengukuhkan hubungan universiti-masyarakat.** Bagi tujuan tersebut, universiti akan membentuk satu badan sukarelawan yang akan bertanggungjawab merancang dan melaksanakan aktiviti sukarela dan khidmat sosial yang lebih terancang dan menepati matlamat pembangunan sosial. Badan sukarelawan UPM ini juga **bertanggungjawab membentuk latihan, melaksanakan program dan menyertai program-program luar untuk membantu masyarakat.**

Konsep perkongsian ilmu melalui aktiviti sukarela tidak akan tercapai tanpa wujudnya perasaan kasih sayang, dedikasi, komitmen, sanggup berkongsi

*"... Sukarelawan
Universiti yang diharapkan
adalah satu komuniti yang
mempunyai hati dan jiwa
yang luhur membantu
orang lain tanpa
mengharapkan balasan."*

sumber, berdisiplin, bertanggungjawab dan semangat untuk berbakti kepada masyarakat. Sukarelawan universiti yang diharapkan adalah satu komuniti yang mempunyai hati dan jiwa yang luhur untuk membantu orang lain tanpa mengharapkan balasan yang setimpal. Insan yang bernama sukarelawan universiti juga merupakan seorang yang prihatin kepada organisasi, masyarakat dan negara tanpa mengenal erti pengorbanan dan sanggup menyetepikan kepentingan diri untuk membantu masyarakat. Mereka ini mempunyai misi perjuangan yang suci untuk membantu masyarakat atau organisasi bagi mencapai objektif sosial. Dengan *modus operandi* yang menepati matlamat program, saya yakin aktiviti sukarela dan khidmat masyarakat dapat melonjakkan imej serta reputasi universiti.





UP M

Mencorak Promosi Berimpak Tinggi

Menjadi universiti bertaraf dunia memerlukan pengaplikasian pengetahuan dan idea yang terbaik. Universiti bertaraf dunia bukan sahaja bermakna peningkatan dan pemajuan, tetapi menjadi terbaik dalam apa sahaja perkhidmatan yang diberikan. Menjadi universiti terbaik tidak mudah seperti yang disangkakan kerana ia menuntut segala kekuatan, dicabar pelbagai rintangan, memerlukan kesepakatan dan menagih kebijaksanaan dalam mengatur perancangan serta strategi yang mampu menembusi landskap perubahan global. Begitu juga universiti bertaraf dunia dikatakan mempunyai hubung kait dengan imej dan *branding* yang mampu menarik perhatian melalui perancangan dan pelaksanaan aktiviti promosi yang berkesan.


Dalam usaha meletakkan imej dan *branding* UPM di landasan yang betul, maka **kita kini sedang mencorak semula perancangan program promosi supaya lebih terancang dan menyeluruh.** Tumpuan aktiviti promosi bukan sahaja di luar negara malah ia akan diperhebatkan di peringkat nasional. Dengan menggunakan pelbagai jenis dan saluran media, reputasi dan imej UPM dapat disebarluaskan kepada kumpulan sasaran dan **seterusnya membentuk pendekatan bagi melonjakkan nama UPM sebagai universiti pilihan pertama.**



Dalam menjamin kelestarian dan kejayaan mengadakan program promosi, peranan setiap dari kita warga universiti amat penting, kerana **strategi promosi yang berkesan menuntut tanggungjawab semua pihak dalam universiti.** Tugas mempromosi universiti **bukan terletak kepada jawatankuasa promosi semata-mata, tetapi melibatkan setiap individu yang berkhidmat di institusi ini.** Terdapat enam teras utama yang akan diberi tumpuan dalam menambah baik aktiviti promosi universiti

iaitu meningkatkan pengetahuan *stakeholders* dan masyarakat tentang peranan dan keupayaan UPM sebagai universiti bertaraf global, menarik minat pelajar cemerlang dengan menjadikan UPM sebagai universiti pilihan, memperkenalkan penyelidik dan hasil penyelidikan selari dengan peranan UPM sebagai Universiti Penyelidikan, menjadikan UPM sebagai destinasi pelancongan pendidikan di Malaysia, memperkukuhkan persepsi masyarakat terhadap kewibawaan UPM sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Pertanian dan membentuk *depth marketing* bagi menarik pelajar dan staf antarabangsa.

Enam teras utama yang dicadangkan ini diharap berupaya mewujudkan dan memperkukuhkan jaringan universiti-industri serta memberi impak kepada pembangunan aktiviti pengajaran, penyelidikan dan juga perkhidmatan profesional. Teras tersebut juga merupakan asas kukuh untuk penjenamaan UPM sebagai universiti yang unik, istimewa dan pembina modal insan yang cemerlang.

“Menjadi universiti terbaik tidak mudah seperti yang disangkakan kerana ia menuntut segala kekuatan, dicabar pelbagai rintangan, memerlukan kesepakatan dan menagih kebijaksanaan dalam mengatur perancangan...”





Mengharmonikan Persekitaran Kampus

Sesungguhnya kita adalah warga universiti yang paling bertuah kerana berpijak di kampus yang indah permai. Kita juga harus berbangga kerana institusi ilmu yang kita junjung ini merupakan legasi gemilang kepada sejarah pengajian pertanian negara. Justeru, amatlah bertepatan dengan Perutusan tahun ini sekiranya kita berupaya menggilapkan kembali *sense of belonging, sense of pride* dan *sense of responsibility* dalam diri masing-masing demi memelihara legasi unggul yang kita sayangi ini.

Mencipta suasana kampus yang harmoni, aman dan sejahtera adalah tanggungjawab kita bersama. Kita mempunyai kampus yang masih diliputi rimbunan pohon hijau dan persekitaran yang menarik. Ini semua telah menyediakan kita dengan suasana bekerja dan pembelajaran yang selesa, dan sudah pasti persekitaran seumpama ini menepati identiti universiti yang memacu bidang perhutanan, pertanian, alam sekitar dan seni bina landskap.

Bagi meningkatkan dan mengekalkan suasana persekitaran kampus yang bersih, sejahtera dan harmoni, kita hendaklah sentiasa mendidik diri menjadi insan yang prihatin dengan alam sekitar dan sensitif dengan kebersihan. **Jadikan alam sekitar sebagai sebahagian daripada aset kampus yang amat bernilai dan sebatikan budaya bersih dalam kehidupan kita.** Tahap kebersihan, keindahan dan kehijauan di kampus ini hendaklah ditingkatkan dan diwarnai dengan keunikan tersendiri sejajar dengan identiti universiti. Bagi merealisasikan maksud ini, kita semua perlu mengambil ingatan bahawa program pembangunan kampus hendaklah memberi keutamaan kepada keselamatan alam sekitar, keindahan panorama serta nilai-nilai sejarah yang membentuk keistimewaan UPM.

Bagi memperkukuh keupayaan kepada pencapaian prestasi tinggi maka prasyaratnya perlu kepada fokus terhadap produktiviti dan kecemerlangan. Sepanjang pengucapan ini, saya banyak memberi

penekanan kecemerlangan dan produktiviti. Tidak boleh tidak, kita mesti mencapai tahap ini untuk merealisasikan pencapaian budaya prestasi tinggi. Universiti perlu dibezakan dengan kancah kebiasaan dalam politik organisasi. Dunia akademia tidak boleh dipuncakkan kepada pergolakan dalaman yang boleh menghancurkan keharmonian organisasi. Kita tidak boleh berpuak-puak dan mencari arah yang berbeza-beza. Diskusi dan perbezaan pandangan tiada masalahnya untuk disuburkan, tetapi ia sepatutnya menghala kepada matlamat yang sama. Di sinilah peranan pengurusan sumber manusia yang meletakkan keutamaan kepada pembinaan modal insan yang kaya nilai intelektualnya dan boleh memberi sumbangan kepada budaya prestasi tinggi. Pada akhir transformasi yang kita lakukan ini, saya berkeyakinan kita mampu mencapai suatu budaya kerja akademia yang mempunyai aura kecambah etika dan nilai-nilai kerja yang boleh memegunkan setiap orang yang masuk ke universiti ini.



Akhir sekali, marilah kita sama-sama bertekad dan bersatu hati untuk menjulang prestasi tinggi dalam menunaikan fungsi universiti untuk mencapai kesejahteraan masyarakat sejagat. Kita adalah amanah negara yang menjadi pemimpin untuk memakmurkan pembangunan ilmu bagi membina kekayaan berteraskan pembangunan insan terbilang.

Sekian, terima kasih.



Putra Gemilang

Universiti Putra Malaysia
Gedung ilmu menara budi
Di sinilah berhimpun warga siswa
Menjunjung amanat BERILMU BERBAKTI

Teguh setia mengisi harapan
Insan bertaqwa penunjang peribadi
Berpada tenaga mencapai kejayaan
Sehati sejiwa berhemah tinggi

KORUS

Universiti Putra Malaysia
Pembina wawasan gemilang
Universiti Putra Malaysia
Pembentuk siswa cemerlang

Semarak namamu di sinar zaman
Semerbak namamu di suara sanjungan
Penyumbang bakti ke anak bangsa
Pewaris sejati negara tercinta

Di damai desa di permai kota
Tersemat citramu semegah kenangan
Di darjat bangsa di daulat negara
Tersurat jasamu menjana kemajuan.

Lirik : Dharmawijaya
Lagu: Ahmad Nawab